

**TAHAP KESAMPAIAN BANTUAN KEWANGAN DAN KREDIT KERAJAAN
(BKKK) TERHADAP PRESTASI PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA
(PKS) BUMIPUTERA DI KEDAH.**

MOHAMAD RASHID BIN ABU BAKAR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2008

**TAHAP KESAMPAIAN BANTUAN KEWANGAN DAN KREDIT KERAJAAN
(BKKK) TERHADAP PRESTASI PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA
(PKS) BUMIPUTERA DI KEDAH.**

oleh

MOHAMAD RASHID BIN ABU BAKAR

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

APRIL 2008

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang.....

Alhamdulillah, saya bersyukur kepada Allah S.W.T kerana taufik dan inayahnya saya diberi kekuatan, keazaman, kesabaran dan idea yang memandu saya untuk menyiapkan kajian dan penulisan tesis ini. Dalam kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia utama saya **Dr. Mohamed Zaini Omar** yang telah berkorban masa dan tenaga memberi dorongan, bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat sehingga terhasilnya tesis ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada **Dr. Ku Azam Tuan Lonik** yang turut membantu menyemak dan memberi idea yang dapat memantapkan lagi penulisan tesis ini. Tidak lupa juga disampaikan penghargaan kepada Dekan PPPJJ, Timbalan Dekan dan semua pensyarah Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh Universiti Sains Malaysia yang secara langsung ataupun tidak langsung membantu dan memberi kerjasama semasa kajian ini dilaksanakan.

Ribuan terima kasih juga ditujukan kepada rakan guru di SMK Seri Badong yang turut memberi idea dan pendapat yang berguna bagi saya meneruskan penyelidikan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada tiga orang bekas murid saya yang membantu mengumpulkan maklumat untuk kajian ini iaitu Saudara Mohd Azam Bahari, Saudari Faridah Mohamad dan Saudara Mohd Nor Fadzli Adenan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih ditujukan kepada En Abd Rahim pegawai

bahagian industri Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) yang banyak memberi maklumat mengenai PKS.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia yang memberi kebenaran kepada saya untuk mengikuti program sarjana sastera secara sambilan di USM. Tidak lupa juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada usahawan- usahawan PKS, pegawai-pegawai dan agensi-agensi yang terlibat dalam memberikan data dan maklumat yang diperlukan dalam kajian ini.

Akhir sekali, penyelidikan ilmiah ini tentu tidak akan dapat disempurnakan tanpa sokongan dan kerjasama daripada ahli keluarga saya iaitu; isteri saya Rohani Yahaya dan anak-anak saya, Ruzatul Ain, Mohd Rafeeqi, Rabiatul Najwa dan Radhiatul Wafaa. Kalian semua menjadi pendorong kepada kejayaan ini dan semoga kejayaan ini akan menjadi pendorong kepada mereka untuk berjaya pada masa depan.

Semoga Allah memberkati segala jasa baik yang anda curahkan.

Terima Kasih.

MOHAMAD RASHID ABU BAKAR

APRIL 2008

SUSUNAN KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	ii – iii
JADUAL KANDUNGAN	iv – vii
SENARAI JADUAL	viii – x
SENARAI RAJAH	xi – xii
SENARAI SINGKATAN	xiii – xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
ABSTRAK	xvi
ABSTRACT	xviii

BAB SATU : PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1 – 2
1.1	Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana di Malaysia	2 – 8
1.2	Sumbangan PKS dalam Sektor Pembuatan	8 – 11
1.3	Bentuk-bentuk Bantuan Kewangan dan Kredit Kerajaan	11 – 15
1.4	Prestasi PKS Bumiputera	15 – 17
1.5	Pernyataan Masalah dan Persoalan Kajian	17 – 19
1.6	Objektif Kajian	20
1.7	Andaian Kajian	20 – 21
1.8	Rangka Konseptual Kajian	22 – 23
1.9	Signifikan Kajian	24 – 27
1.10	Definisi Konsep	27 – 29
1.11	Organisasi Penulisan Tesis	29 – 32

BAB DUA : SOROTAN KARYA PERANAN KERAJAAN DALAM PROSES PEMBANGUNAN PKS DI MALAYSIA

2.0	Pengenalan	33
2.1	Peranan Kerajaan dalam Pembangunan PKS di Malaysia	33 - 40
2.2	Teori dan Model Peranan Kerajaan dalam Pembangunan PKS	41 - 49
2.2.1	Pendekatan Neo-Klasik	41- 43
2.2.2	Pendekatan Dualisme	43 - 44

2.2.3	Teori Defusi	44 - 47
2.2.4	Teori Psikologi	48 - 49
2.3	Kerangka Teori Kajian	50 - 53
2.4	Ulasan Karya Peranan Kerajaan di Negara Terpilih	54 - 58
2.4.1	Peranan Kerajaan dalam Pembangunan PKS di Indonesia	54 - 55
2.4.2	Peranan Kerajaan dalam Pembangunan PKS di Thailand	55 - 56
2.4.3	Peranan Kerajaan dalam Pembangunan PKS di Filipina	56
2.4.4	Peranan Kerajaan dalam Pembangunan PKS di Taiwan	57 - 58
2.5	Model Pembangunan PKS di Malaysia	59 - 66
2.6	Rumusan	63 - 64

BAB TIGA : PROGRAM BANTUAN KEWANGAN DAN KREDIT KERAJAAN (BKKK) KEPADA PKS DI MALAYSIA

3.0	Pengenalan	65
3.1	Bentuk dan profil Bantuan Kewangan dan Kredit Kerajaan (BKKK)	65 - 69
3.1.1	Tabung Khas Bank Negara	69 - 74
3.1.2	Institusi Kewangan Pembangunan	74 - 85
3.1.3	Skim Pinjaman Agensi Pembangunan Kerajaan	85 - 94
3.2	Perbandingan Skim BKKK dan Institusi Kewangan Komersial	94 - 96
3.3	Tahap Kesampaian Bantuan Kewangan dan Kredit Kerajaan	97 - 103
3.4	Prestasi PKS di Malaysia	103 - 104
3.5	Halangan Kesampaian Bantuan Kewangan dan Kredit Kerajaan	105 - 110
3.6	Rumusan	110

BAB EMPAT : METODOLOGI KAJIAN

4.0	Pengenalan	111
4.1	Definisi PKS dan Latar Belakang Kawasan Kajian	112 - 128
4.1.1	Definisi PKS di Malaysia	112 - 119
4.1.2	Kawasan Kajian	119 - 128
4.2	Metodologi Kajian	128 - 142
4.2.1	Carta Alir Metodologi Kajian	129 - 132
4.2.2	Rangka Persampelan	132 - 134
4.2.3	Proses Pengumpulan Data	134 - 138
4.2.4	Kriteria Pengukuran Prestasi	138 - 142
4.3	Penganalisan Data	142 - 147

4.3.1	Skala Likert	143 – 144
4.3.2	Jadual Kekekapan (Frekuensi)	144
4.3.3	Jadual Silang (Crosstab)	145
4.3.4	Peratus Pertambahan	145 – 147
4.4	Masalah Semasa Kajian	147 – 149
4.5	Rumusan	149 – 150

**BAB LIMA : TAHAP KESAMPAIAN BANTUAN KEWANGAN DAN
KREDIT KERAJAAN (BKKK) TERHADAP PRESTASI PKS
BUMIPUTERA DI KEDAH.**

5.0	Pengenalan	151
5.1	Profil Firma dan Usahawan PKS	152-165
5.1.1	Profil Firma	152 – 160
5.1.2	Profil Usahawan	161 – 165
5.1.3	Rumusan Profil Firma dan Usahawan di Kawasan Kajian	166 – 167
5.2	Persepsi Usahawan PKS Bumiputera	167 – 172
5.2.1	Persepsi Usahawan Terhadap Dasar dan Strategi Kerajaan	168 – 169
5.2.2	Persepsi Usahawan Terhadap Program BKKK	169 – 172
5.2.3	Rumusan dan Pembuktian Andaian Kajian	172
5.3	Tahap Kesempaan Bantuan Kewangan dan Kredit Kerajaan	173 – 188
5.3.1	Usahawan Terima BKKK	174 – 182
5.3.2	Usahawan Tidak Terima BKKK	182 – 187
5.3.4	Rumusan dan Pembuktian Andaian Kajian	187 – 188
5.4	Profil Firma dan Usahawan Terima dan Tidak Terima BKKK	188 – 199
5.4.1	Profil Firma Terima dan Tidak Terima BKKK	189 – 196
5.4.2	Profil Usahawan Terima dan Tidak Terima BKKK	196 – 199
5.5	Tahap Kesempaan BKKK dan Prestasi PKS Bumiputera	199 – 211
5.5.1	Prestasi PKS Sebelum dan Selepas Terima BKKK	201 – 205
5.5.2	Prestasi PKS Terima dan Tidak Terima BKKK	205 – 211
5.6	Rumusan	211 – 213

BAB ENAM : RUMUSAN DAN KESIMPULAN

6.0	Pengenalan	214
6.1	Rumusan Hasil Kajian	214 – 221
6.2	Sumbangan Kepada Bidang Akademik	221 – 222
6.3	Implikasi Terhadap Dasar dan Teori	222 – 225

6.4	Cadangan ke Arah Penambahbaikan BKKK	225 - 228
6.5	Cadangan Kajian Lanjutan	229 - 231

SENARAI RUJUKAN	223 - 248
------------------------	-----------

LAMPIRAN

Lampiran A: Borang Soal Selidik	249 – 253
---------------------------------	-----------

SENARAI JADUAL

	Muka surat
1.1 Pengklasifikasian Aktiviti Sektor Perkilangan/Pembuatan	3
1.2 Peratusan Bahagian PKS Mengikut Sektor di Malaysia 2005	3
1.3 Peratusan Bahagian PKS Mengikut Saiz di Malaysia 2005	4
1.4 Status Pemilikan PKS di Malaysia 2005	5
1.5 Status Pekerja PKS 2005	5
1.6 Faktor Penentu Kejayaan PKS di Malaysia	5
1.7 Masalah dan Keperluan Bantuan Kerajaan	6
1.8 Peratus Sumbangan PKS dalam Sektor Perkilangan di Malaysia 1985 hingga 2005	10
1.9 Sumber Pembiayaan PKS di Malaysia	13
1.10 Jenis Pembiayaan Melalui Dana Kerajaan	14
1.11 Sumber Pembiayaan Utama PKS	15
1.12 Pertumbuhan PKS dari Segi Keluaran, Nilai Tambah dan Pekerja 2002 dan 2003	16
1.13 Objektif Kajian dan Andaian Kajian	21
2.1 Teras Dasar Pembangunan Perindustrian 1971 - 2020	34
2.2 Sumbangan Perindustrian dalam KDNK 1970 - 2004	37
3.1 Matlamat Pembiayaan PKS dan Skim Pembiayaan ditawarkan	66 – 68
3.2 Bentuk dan Ciri Tabung Khas Bank Negara	74
3.3 Senarai Kemudahan Pembiayaan PKS Institusi Kewangan Pembangunan	76
3.4 Syarat dan Ciri-ciri Utama Tabung untuk Makanan BPM	77
3.5 Syarat dan Ciri-ciri Tabung Industri Kecil dan Sederhana BPM	78
3.6 Syarat dan Ciri-ciri Skim Pinjaman MPPB BPM	79
3.7 Syarat dan Ciri-ciri Skim Pinjaman MAP BPM	80
3.8 Syarat dan Ciri-ciri Skim Pinjaman Komersial BPM	81
3.9 Senarai Kemudahan Pembiayaan PKS Agensi Pembangunan Kerajaan	86
3.10 Bentuk bentuk Pembiayaan SMIDEC	89
3.11 Ciri Skim Jaminan CGC untuk PKS	91
3.12 Bentuk dan Ciri Pembiayaan MARA	93
3.13 Perbandingan Ciri IKP, APK dan IKK	95
3.14 Keistimewaan BKKK Berbanding Pembiayaan IKK	95
3.15 Pernyataan oleh Menteri/Agensi tentang Kesampaian BKKK	96
3.16 Tahap Kesampaian Tabung Khas PKS 2001 - 2002	101
3.17 Nilai dan bilangan Jaminan CGC 2002 – 2003	101
3.18 Perbezaan Bilangan dan Nilai Pinjaman CGC 1999 - 2003	125

3.19	Taburan Pinjaman Mengikut Negeri	126
3.20	Kelulusan Pinjaman CGC Mengikut Kaum 2003	127
3.21	Nilai Jualan Sektor Pembuatan Feb-Jun 2005	93
3.22	Perbandingan Pertumbuhan Prestasi PKS 2002 dan 2003	95
4.1	Ukuran yang digunakan dalam Definisi PKS	113
4.2	Definisi Berdasarkan Jumlah Jualan Tahunan Mengikut Sektor	116
4.3	Definisi PKS Berdasarkan Bilangan Pekerja Sepenuh Masa	116
4.4	Definisi PKS Mengikut Saiz Dalam Sektor Perkilangan	117
4.5	Perkembangan Definisi PKS di Malaysia 1970 - 2007	118
4.6	Sumbangan Sektor Perkilangan Kepada KDNK Kedah	121
4.7	Projek-projek Perindustrian Yang Diluluskan di Kedah 1998 – 2006	124
4.8	Kawasan Perindustrian di Kedah Sehingga Tahun 2006	125
4.9	Senarai Firma di Kawasan Industri Utama Kedah 2004	133
4.10	Dimensi Pengukuran Prestasi PKS	139
4.11	Peratus Peningkatan Jualan Tahunan dan Prestasi PKS	146
4.12	Peratus Peningkatan Bilangan Pekerja Sepenuh Masa dan prestasi PKS	146
5.1	Profil Firma PKS Bumiputera di Kawasan Kajian	154
5.2	Profil Usahawan PKS di Kawasan Kajian	161
5.3	Persepsi Usahawan PKS Terhadap Dasar dan Strategi Kerajaan	169
5.4	Persepsi Usahawan PKS Terhadap Program BKKK	170
5.5	Keperluan Usahawan PKS Terhadap BKKK	172
5.6	Tahap Kesempaan BKKK	174
5.7	Skim Bantuan Kewangan Diterima Oleh Usahawan PKS	177
5.8	Kesempaan BKKK Institusi Kewangan Pembangunan	178
5.9	Kesempaan BKKK Agensi Pembangunan Kerajaan	179
5.10	Tahap Kesempaan Tabung Khas Bank Negara	181
5.11	Sumber Modal Alternatif PKS Tidak terima BKKK	183
5.12	Alasan Usahawan Tidak Terima BKKK	185
5.13	Tahap Kesempaan BKKK dan Umur Firma	191
5.14	Tahap Kesempaan BKKK dan Bilangan Pekerja	192
5.15	Tahap Kesempaan BKKK dan Jumlah Jualan Tahunan	193
5.16	Tahap kesempaan BKKK dan Pasaran	195
5.17	Tahap Kesempaan BKKK dan Jantina	196
5.18	Tahap Kesempaan BKKK dan Taraf Pendidikan	198
5.19	Prestasi PKS Sebelum dan Selepas Terima BKKK Indikator JJT	201

5.20	Peratus Perbezaan Prestasi Sebelum dan Selepas Terima BKKK Indikator JJT	202
5.21	Prestasi PKS Sebelum dan Selepas Terima BKKK Indikator PSM	203
5.22	Peratus Perbezaan Prestasi Sebelum dan Selepas Terima BKKK Indikator PSM	204
5.23	Prestasi PKS Terima dan Tidak Terima BKKK Indikator JJT	206
5.24	Prestasi PKS Terima dan Tidak Terima BKKK Indikator PSM	208
5.25	Faktor Kejayaan PKS Tidak Terima BKKK	210

SENARAI RAJAH

	Muka surat	
1.1	Rangka Konseptual Kajian	23
2.1	Kerangka Teori Kajian	50
2.2	Model Pembangunan PKS	62
3.1	Tabung Khas Bank Negara	70
3.2	Program Bantuan Kewangan dan Kredit untuk PKS	88
4.1	Peta Daerah Pentadbiran Negeri Kedah	120
4.2	Peta Kawasan Perindustrian di Kedah	126
4.3	Carta Alir Metodologi Kajian	130
4.4	Proses Analisis Data yang digunakan Dalam Kajian	143
5.1	Status Firma PKS Bumiputera di Kedah	153
5.2	Umur Firma PKS di Kawasan Kajian	155
5.3	Bilangan Pekerja Sepenuh Masa	156
5.4	Jumlah Modal Permulaan	157
5.5	Sumber Modal Permulaan	158
5.6	Jumlah Jualan Tahunan	159
5.7	Pasaran Produk Pengeluaran	160
5.8	Peratusan Usahawan Mengikut Jantina	162
5.9	Taraf Pendidikan Usahawan PKS	163
5.10	Umur Usahawan PKS	164
5.11	Pengalaman Usahawan PKS	165
5.12	Masalah Utama Usahawan PKS	166
5.13	Keperluan Usahawan PKS kepada BKKK	173
5.14	Sumber Pembiayaan Utama PKS di Malaysia	175
5.15	Tahap Kesempaian BKKK kepada Usahawan PKS	176
5.16	Saluran Pembiayaan Bantuan Kewangan Kerajaan	178
5.17	Kesempaian BKKK Institusi Kewangan Pembangunan	179
5.18	Kesempaian BKKK Agensi Pembangunan Kerajaan	180
5.19	Kesempaian Tabung Khas Bank Negara	181
5.20	Sumber Modal Alternatif PKS Tidak Terima BKKK	184
5.21	Alasan Usahawan Tidak Terima BKKK	185
5.22	Tahap Kesempaian BKKK dan Umur Firma	191
5.23	Tahap Kesempaian dan Bilangan Pekerja Sepenuh Masa	192
5.24	Tahap Kesempaian BKKK dan Jumlah Jualan Tahunan	193
5.25	Tahap Kesempaian BKKK dan Lokasi Pasaran	195

5.26	Tahap Kesampaian BKKK dan Jantina	197
5.27	Tahap Kesampaian BKKK dan Taraf Pendidikan	199
5.28	Perbezaan JJT Sebelum dan Selepas Terima BKKK	202
5.29	Perbezaan PSM Sebelum dan Selepas Terima BKKK	204
5.30	Prestasi PKS Terima dan Tidak Terima BKKK indikator JJT	206
5.31	Prestasi PKS Terima dan Tidak terima BKKK Indikator PSM	209

SENARAI SINGKATAN

AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
BPIM	Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia
BCIC	Bumiputera Commerce Industrial Committee
BKKK	Bantuan Kewangan dan Kredit Kerajaan
CGC	Credit Guarantee Corporation
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
DPPM	Dewan Perniagaan Melayu Malaysia
IAF	Industries Automasi Fund
ILO	International Labour Organization
IKK	Institusi Kewangan Komersial
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
IMP	Industrial Master Plan
ITAF	Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian
JJT	Jumlah Jualan Tahunan
KIK	Kredit Investment Kecil
KMKP	Kredit Modal Kumpulan Pekerja
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MARDI	Malaysian Agriculture Research Development Institute
MATRADE	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
MAVCAP	Malaysian Venture Capital Management Berhad
MECD	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
MIDA	Malaysian Industrial Development Authority
MIDF	Malaysian Industrial Development Finance
MIEL	Malaysian Industrial Estate Limited
MITI	Ministry of International Trade and Industry
MOSTI	Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi
MPPB	Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera
MPPK	Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan
MSC	Multimedia Super Corridor
MTDC	Malaysian Technology Development Corporation
NEF	Skim Pinjaman Khas Bumiputera
NIC	New Industrialised Country
PIP	Pelan Induk Perindustrian
PKEN	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri
PKK	Pengeluar Komoditi Kecil
PKNK	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PNS	Perbadanan Nasional Berhad
PSM	Pekerja Sepenuh Masa
PUNB	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad
QES	Skim Peningkatan Kualiti
RIDA	Rural Industrial Development Authority
RRJP	Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua
SJA	Skim Jaminan Am
SME	Small and Medium Enterprises
SMIDEC	Small and Medium Industrial Development Corporation
SMIDP	Small Medium Industrial Development Plan
SPED	Skim Pembiayaan Tanpa Cagaran
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia

TIB	Tabung Industri Bumiputera
TIKS	Tabung Industri Kecil dan Sederhana
TPIKS	Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana
TPU	Tabung Pemulihan Usahawan
TUB	Tabung Usahawan Baru
TUM	Tabung Untuk Makanan
YTN	Yayasan Tekun Negara

SENARAI LAMPIRAN

	Muka surat
1.1 Lampiran 1: Borang Soal Selidik PKS	249 – 253

TAHAP KESAMPAIAN BANTUAN KEWANGAN DAN KREDIT KERAJAAN TERHADAP PRESTASI PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS) BUMIPUTERA DI KEDAH.

ABSTRAK

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) telah memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara. Menyedari kepentingan peranan tersebut, berbagai dasar dan program sokongan telah dibangunkan oleh kerajaan bagi menyokong pembangunannya yang melibatkan berbagai kementerian dan agensi. Sehubungan itu satu kajian tentang kesampaian kemudahan bantuan kewangan dan kredit kerajaan kepada usahawan Bumiputera telah dijalankan di beberapa estet perindustrian yang terpilih di Kedah. Tujuan kajian ini ialah untuk menilai tahap kesampaian program bantuan tersebut dan kesannya ke atas prestasi PKS Bumiputera. Tahap kesampaian diukur berdasarkan kaedah peratusan kesampaian yang digunakan oleh Norusis (1995). Dapatan kajian ke atas 57 usahawan Bumiputera di kawasan kajian menunjukkan bahawa tahap kesampaian masih lagi rendah, dengan hanya 45.6 peratus usahawan yang telah berjaya menerimanya. Namun begitu persepsi mereka terhadap dasar dan strategi kerajaan adalah begitu positif dan 92.9 peratus usahawan telah menyatakan tentang pentingnya bantuan kerajaan terhadap pembangunan PKS mereka. Kajian juga mendapati tahap kesampaian masih lagi rendah walaupun pihak kerajaan telah berusaha dengan begitu serius bagi meningkatkan program dari masa ke masa. Daripada 54.4 peratus usahawan yang tidak menerima sebarang bantuan telah memberi empat sebab dan ini meliputi (i) masalah rasuah dan karenah birokrasi, (ii) permohonan ditolak, (iii) tidak ada cagaran dan (iv) rekod perniagaan yang tidak teratur. Penemuan utama kajian ini menunjukkan bahawa pengusaha yang menerima bantuan mengakui keadaan mereka adalah lebih baik berbanding sebelumnya. Namun demikian situasi menang-menang bagi kerajaan dan pengusaha tidak tercapai kerana lebih daripada 50 peratus pengusaha didapati tidak memperolehi sebarang bantuan. Ia agak ironis, kerana kerajaan telah membelanjakan berbilion ringgit dalam usaha untuk mempromosi dan membentuk Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera. Pada umumnya pihak kerajaan telah menyediakan program bantuan kewangan dan kredit yang mencukupi, tetapi tahap kesampaian di kawasan kajian masih lagi rendah. Oleh yang demikian, demi mencapai keputusan yang lebih diingini, program ini perlu dinilai semula dan menerima pakai beberapa strategi seperti (i) mengeneipkan kerendah birokrasi dan (ii) menentukan sasaran PKS yang memerlukan bantuan. Dengan demikian selaras dengan aspirasi kerajaan untuk mencapai wawasan 2020 iaitu status negara maju, usaha yang lebih serius dan fokus perlu dimulakan ke arah pembentukan pengusaha Bumiputera yang berjaya. Pada amnya PKS boleh disifatkan sebagai tempat melatih pengusaha untuk bergerak ke arah perusahaan pembuatan yang lebih berskala besar.

THE ACCESSIBILITY LEVEL OF THE GOVERNMENT'S FINANCING AND CREDIT ASSISTANCE TOWARDS THE PERFORMANCE OF BUMIPUTERA SMALL AND MEDIUM INDUSTRIES IN KEDAH

ABSTRACT

Small and Medium Industries (SMI) plays an important role in the economic development of the nation. Realizing this important role, various policies and supporting programs have been developed by the government to support its development through various ministries and development agencies. In view of that, a study is conducted to study the accessibility of the financial and credit facilities offered by the government on the Bumiputera entrepreneurs in the several selected industrial estates in Kedah. The aim of this study is to measure the accessibility of this program and its effect on the performance of the Bumiputera SMI. The level of accessibility is measured based on percentage of accessibility as used by Norusis (1995). The finding of the study based on the 57 entrepreneurs shows that level of accessibility is still low, with 45.6 percent of the entrepreneurs had managed to receive the assistance. Nonetheless their perception towards the government policies and strategies had been very positive and 92.9 percent of them had stated that government assistance is vital for the development of their SMI. Study also shows that the level of accessibility is still low despite serious commitment by the government in upgrading the program from time to time. Of the 54.4 percent of the entrepreneurs who did not receive any kind of assistance, cited four main reasons which includes (i) graft and bureaucracy problems (ii) rejected application, (iii) lack of collateral and (iv) not orderly business record. The main finding of this study shows that the entrepreneurs who had succeeded in receiving the assistance believes that are better-off now than they were before. However, the win-win situation for both the government and entrepreneur is unattainable since more than 50 percent of the entrepreneurs failed to get any kind of assistance. This is rather ironic since the government has spend billion of ringgit to promote and develop the Bumiputera Community in Commerce and Industry. In general the government has provided an adequate financial and credit assistance program but the level of accessibility in the study area is still low. Therefore, in order to achieve the desirable result, this program needs to be reviewed and by adopting several strategies, namely (i) eliminating bureaucratic hurdle and (ii) determining the target of SMI that are in need of the assistance. Therefore in line with the government aspiration of achieving vision 2020 of creating developed nation, serious and focused effort must be put in placed towards the creation of the successful Bumiputera entrepreneurs. In general the SMI can be regarded as a training ground for the entrepreneurs in moving towards a bigger scale manufacturing enterprises.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bab ini bertujuan untuk menjelaskan hala tuju atau arah penyelidikan yang akan dijalankan. Ia bermula dengan menghuraikan secara ringkas persoalan-persoalan yang berkaitan dengan isu dan masalah yang dihadapi dalam perusahaan kecil dan sederhana (PKS)ⁱ di Malaysia iaitu (i) peranan dan kepentingan PKS dalam sektor ekonomi negara, (ii) bentuk-bentuk program bantuan kewangan dan kredit kerajaan (BKKK), (iii) tahap kesampaian BKKK kepada usahawan PKS khususnya Bumiputera dan (iv) prestasi PKS Bumiputera berdasarkan indikator jumlah jualan tahunan dan bilangan pekerja sepenuh masa. Isu-isu berkaitan BKKK dan PKS Bumiputera ini akan disintesis untuk menghasilkan (i) pernyataan masalah dan persoalan kajian, (ii) konsep dan skop kajian, (iii) objektif kajian dan (iv) andaian-andaian kajian. Sehubungan itu, teras utama kajian adalah untuk melihat tahap kesampaian bantuan kewangan dan kredit kerajaan dan prestasi usahawan Bumiputera sebelum dan selepas terima BKKK dan sejauh mana peranan kerajaan melalui program ini berkesan untuk membantu proses pembangunan PKS di Malaysia.

Maklumat asas kajian tentang PKS di Malaysia khususnya berkaitan BKKK didapati daripada kajian-kajian yang pernah dilakukan oleh (i) Moha Asri, 1993; Mohd Sidek, 2002 dan Mohd Kamal, 2002, (ii) data banci pertubuhan dan enterpris, Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan, 2005, (iii) buku-buku akademik seperti Mohd Rosli (2000), Rahmah Ismail (19995), Mohd Khairuddin dan Azizi Wafa (2002), Lee Khee Joo (2003), (iv) Laporan-laporan awam (Perbadanan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Malaysia (MITI), Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK), Bank Negara Malaysia (BNM), Lembaga

Pembangunan Industri Malaysia (MIDA), Syarikat Jaminan Kredit (CGC) dan (v) Internet. Kajian ini berbeza daripada kajian terdahulu kerana kajian-kajian terdahulu tidak memberi tumpuan secara khusus terhadap tahap kesempaian BKKK dikalangan usahawan PKS Bumiputera seperti yang akan dikemukakan dalam kajian ini.

1.1 Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana di Malaysia

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia terlibat dalam pelbagai aktiviti ekonomi. Pada umumnya terdapat beberapa aktiviti yang termasuk dalam pengklafikasian aktiviti ekonomi yang melibatkan PKS iaitu: pertanian asas, perkilangan atau pembuatan (termasuk asas tani), perkhidmatan berkaitan perkilangan, perkhidmatan, perlombongan dan pengkuarian dan pembinaan (Malaysia, Bank Negara [BNM], 2005g). Walaupun terdapat pelbagai sektor ekonomi yang melibatkan PKS, kajian ini hanya berminat untuk membincangkan aktiviti-aktiviti yang melibatkan sektor perkilangan atau pembuatan termasuk asas tani seperti ditunjukkan dalam jadual 1.1, m.s 3).

Berdasarkan senario terkini, didapati PKS dalam sektor pembuatan mempunyai bahagian yang begitu kecil dalam bilangan pertubuhan perniagaan iaitu hanya 7.3 peratus (rujuk jadual 1.2, m.s 3). Sektor perkhidmatan meliputi 86.5 peratus daripada keseluruhan pertubuhan perniagaan PKS dan ia merupakan bahagian terbesar. Ini menunjukkan bahawa PKS dalam sektor perkilangan adalah sebahagian kecil daripada pertubuhan perniagaan di Malaysia. Ini penting diketahui kerana kajian ini melibatkan dasar pembangunan PKS dan kerajaan memberi penekanan kepada PKS yang meliputi sektor-sektor ekonomi ini. Maklumat awal tentang bahagian PKS akan memberi gambaran tahap penyertaan PKS dalam pembangunan ekonomi negara.

Jadual 1.1 : Pengklasifikasian Aktiviti Sektor Perkilangan/Pembuatan

Bil	Aktiviti Perkilangan Termasuk Asas Tani
1	Pembuatan produk makanan dan minuman
2	Pembuatan produk tembakau
3	Pembuatan tekstil
4	Pembuatan pembersihan dan pewarnaan bulu haiwan
5	Penyamakan dan pembersihan kulit, pembuatan bagasi, beg tangan, pelana, abah-abah dan kasut
6	Pembuatan kayu dan produk kayu dan gabus kecuali perabut, pembuatan barangan jerami dan bahan jalinan.
7	Pembuatan kertas dan produk kertas
8	Penerbitan, pencetakan dan penerbitan semula media rakaman
9	Pembuatan kok, produk petroleum bertapis dan bahan api nuklear
10	Pembuatan kimia dan produk kimia
11	Pembuatan produk getah dan plastic
12	Pembuatan produk galian bukan logam lain
13	Pembuatan logam asas
14	Pembuatan produk yang direka daripada logam kecuali jentera dan kelengkapannya
15	Pembuatan jentera dan kelengkapan yang tidak terkelas di tempat lain
16	Pembuatan mesin pejabat, perakaunan dan pengira
17	Pembuatan mesin dan perkakasan elektrik yang tidak terkelas di tempat lain
18	Pembuatan radio, televisyen dan kelengkapan dan peralatan komunikasi
19	Pembuatan instrument perubatan, perisian dan optik, jam tangan dan jam
20	Pembuatan kenderaan bermotor, treler dan semi treler
21	Pembuatan kelengkapan pengangkutan lain
22	Pembuatan perabot, pembuatan yang tidak tersenarai di tempat lain
23	Kitar semula

Sumber : Malaysia, Bank Negara [BNM] (2005a)

Jadual 1.2 : Peratusan Bahagian PKS mengikut Sektor di Malaysia 2005

Sektor PKS	Bilangan Pertubuhan	Peratus
Pertubuhan Perniagaan PKS	518,996	99.2 ⁱⁱ
Sektor Perkhidmatan	449,004	86.5
Sektor Perkilangan	37,866	7.3
Sektor Pertanian	32,126	6.2

Sumber : Malaysia, Bank Negara [BNM] (2005a)

Saiz PKS di Malaysia ditentukan berdasarkan dua kriteria iaitu berdasarkan (i) jumlah jualan tahunan, dan (ii) bilangan pekerja sepenuh masa (Malaysia, Bank Negara [BNM], 2005a). Pembahagian PKS mengikut saiz menunjukkan bahawa 55.5 peratus adalah dalam kumpulan mikro, 39.5 peratus saiz kecil dan hanya 5.2 peratus PKS berada dalam kumpulan saiz sederhana. Ini menunjukkan bahawa bilangan PKS bersaiz kecil semakin bertambah besar dalam pertubuhan keseluruhan PKS dalam sektor pembuatan. Moha Asri (1999a) dalam kajiannya mengesahkan bahawa program

pembangunan PKS telah berjaya menambahkan bilangan firma PKS, tetapi prestasi mereka secara keseluruhannya masih tidak berubah. Pertumbuhan bilangan firma yang memberangsangkan ini berlaku kerana strategi yang dilaksanakan oleh kerajaan sebagai usaha untuk menyediakan peluang pekerjaan dan mengatasi masalah lebihan buruh kurang mahir. Keadaan ini berlaku kerana keupayaan PKS menjalankan operasi berintensifkan buruh dan menyediakan banyak peluang pekerjaan (Moha Asri, 1997a; Ismail, 1990). Bilangan usahawan Bumiputera dalam sektor perindustrian semakin meningkat, namun penglibatan mereka masih rendah dan terhad kepada sektor yang kurang berpotensi serta beroperasi pada saiz yang kecil (Rahmah Ismail et al. 2006).

Jadual 1.3 : Peratusan Bahagian PKS di Malaysia mengikut Saiz 2005

Saiz PKS	Bilangan Pertubuhan	Peratus
Mikro	20940	55.3
Kecil	14957	39.5
Sederhana	1969	5.2
Jumlah	37,866	100

Sumber : Malaysia, Bank Negara [BNM] (2005a)

Dari segi status pemilikan, maklumat yang diperolehi sehingga tahun 2005 menunjukkan bahawa 65.5 peratus firma PKS adalah milik perseorangan, hanya 21.2 peratus adalah syarikat sendirian berhad, dan hanya 9.7 peratus adalah firma perkongsian. Dalam hal ini, 65.5 firma PKS pada skala mikro adalah milik perseorangan dan hampir 76.5 peratus firma skala kecil dan sederhana adalah syarikat sendirian berhad (Malaysia, Bank Negara [BNM], 2005a). Maklumat ini juga penting diketahui kerana daripada kajian literatur yang dibuat, didapati antara syarat pembiayaan kerajaan adalah “syarikat sendirian berhad”.

Jadual 1.4 : Status Pemilikan PKS di Malaysia 2005.

Status Pemilikan PKS	Bilangan Pertubuhan	Peratus
Hak Milik Perseorangan	339,942	65.5
Syarikat Sendirian Berhad	110,027	21.2
Perkongsian	50,343	9.7
Lain-lain	18,684	3.6
Jumlah	518,996	100

Sumber : Malaysia, Bank Negara [BNM] (2005a)

Nota : Sebahagian besar perusahaan mikro adalah dalam bentuk hak milik perseorangan dan kebanyakan daripada perusahaan kecil dan sederhana adalah dalam bentuk syarikat sendirian berhad.

Profil PKS terkini menunjukkan bahawa 76.6 peratus pekerja dalam sektor PKS adalah pekerja sepenuh masa dan hanya 6.7 peratus pekerja sambilan. Ini menunjukkan PKS semakin mantap dari segi penyediaan peluang pekerjaan.

Jadual 1.5 : Status Pekerja PKS 2005

Saiz PKS	Bilangan Pertubuhan	Peratus
Pekerja sepenuh masa	397551	76.6
Pekerja sambilan	34773	6.7
Bekerja sendiri	86672	16.7
Jumlah	518,996	100

Sumber : Malaysia, Bank Negara [BNM] (2005a)

Berdasarkan kajian kes yang dilakukan terhadap PKS yang beroperasi melebihi 10 tahun, (Malaysia, Bank Negara [BNM], 2005a) telah mengenalpasti 7 faktor yang menentukan kejayaan PKS seperti ditunjukkan dalam jadual 1.6 di bawah.

Jadual 1.6: Faktor Penentu Kejayaan PKS di Malaysia

Bil	Faktor penentu kejayaan PKS
1	Keupayaan pengurusan dan integriti yang mantap
2	Budaya perniagaan dan semangat keusahawanan yang teguh
3	Pengurusan kewangan yang berhemat
4	Produk dan perkhidmatan yang berkualiti
5	Program pembangunan sumber manusia yang baik
6	Sokongan yang kuat daripada institusi kewangan dari segi pembiayaan dan khidmat nasihat
7	Strategi pemasaran yang kukuh, termasuk rangkaian pembekal yang baik

Sumber : Malaysia, Bank Negara [BNM] (2005a)

Faktor-faktor yang dibentangkan di atas, menunjukkan bahawa faktor penentu kejayaan ini berkait dengan sumber kewangan. Dalam hal ini, PKS memerlukan sumber kewangan yang mantap dan berterusan terutamanya bagi meningkatkan kualiti produk. Bagi tujuan ini, PKS memerlukan teknologi dan kemahiran yang tinggi. Ini sudah tentu memerlukan tambahan kos operasi yang perlu disediakan oleh usahawan PKS. Daripada 7 faktor yang menentukan kejayaan PKS, didapati 5 faktor adalah berkaitan dengan sumber kewangan dan kredit. Oleh itu, sumber kewangan merupakan dana penting bagi membiayai operasi seperti mengembangkan perniagaan, membeli bahan mentah, membeli mesin dan peralatan baru, menambah bekalan stok, membesarkan ruang perniagaan ataupun meneroka peluang perniagaan baru (Ahmad Sazmy Abd Aziz, 2007).

Pada umumnya terdapat 5 tahap masalah yang dihadapi oleh PKS di Malaysia. Masalah-masalah ini memerlukan bantuan kerajaan dan untuk mengatasinya, kerajaan telah menyediakan beberapa bentuk bantuan untuk disalurkan kepada PKS (rujuk jadual 1.7 di bawah).

Jadual 1.7 : Masalah dan keperluan Bantuan Kerajaan

Tahap	Masalah PKS	Bentuk Bantuan Kerajaan
1	persaingan dengan syarikat-syarikat besar	insentif cukai
2	tidak mampu memperolehi pinjaman	akses yang lebih baik kepada pembiayaan
3	tidak mampu mendapatkan pekerja mahir	sokongan teknologi
4	persaingan dengan syarikat-syarikat baru	badan berpusat yang mengumpul dan menyebarkan maklumat tentang PKS
5	kurang sokongan daripada kerajaan	badan latihan berpusat

Sumber : Malaysia, Bank Negara [BNM] (2005a)

Dalam hal kewangan ini, sektor PKS sering menghadapi masalah bagi mendapatkan bantuan pinjaman daripada institusi pembiayaan khususnya bank-bank

komersial. Menurut Ahmad Sazmy Abdul Aziz (2007) terdapat 5 sebab utama mengapa pengusaha PKS gagal memperolehi pinjaman iaitu:

1. Prestasi perniagaan PKS yang sentiasa turun naik dan tidak konsisten.
2. Kemahiran dan pengalaman yang tidak mencukupi dalam bidang perniagaan yang diceburi
3. Tidak mempunyai pengetahuan dalam prosedur memohon pinjaman.
4. Cagaran yang diperlukan oleh bank tidak mencukupi
5. Bank komersial mengenakan kriteria penilaian yang lebih ketat kepada firma PKS

Kriteria yang ketat yang dikenakan ke atas PKS menyukarkan mereka mendapatkan pinjaman sedangkan keperluan kepada sumber kewangan untuk memajukan perniagaan amat penting. Berdasarkan profil yang dihuraikan didapati bahawa PKS di Malaysia secara keseluruhannya masih lemah dan bersaiz kecil. Halangan utama mereka ialah kekurangan modal dan kemahiran rendah (Chee Peng Lim, 1986b; Mohd Rosli, 2000; Rahmah Ismail et al. 2006). Kekurangan sumber kewangan yang berlaku dikalangan mereka adalah disebabkan oleh kesukaran memperolehi kredit, tekanan penjualan kredit, kesukaran memungut semula hutang dan kekurangan sumber dana dalaman.

Keadaan ini mewujudkan halangan yang melambatkan proses pembangunan PKS dalam jangka masa yang lama (Chee Peng Lim, 1986b; Mohd Rosli, 2000). Shahidin Hamzah (2002) dalam kajiannya telah mengenalpasti beberapa kriteria yang perlu dimiliki oleh PKS bagi menjamin kejayaan untuk mendapatkan BKKK. Antara kriteria-kriteria yang perlu dimiliki dan selalu diabaikan oleh PKS ialah (a) masalah pasaran dan teknologi yang rendah, (b) pungutan kredit melalui polisi kredit niaga yang lemah, (c) tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan seperti beroperasi tanpa lesen dan permit, tidak mematuhi peraturan alam

sekitar dan beroperasi di premis haram, (d) masalah pengurusan yang lemah, dan (e) tiada rekod perniagaan yang lengkap serta sistem pengurusan yang tidak teratur dan lemah.

Walaupun sektor PKS di Malaysia telah dikenalpasti mempunyai profil seperti yang diuraikan, namun PKS Bumiputera mempunyai sumbangan yang besar dalam proses pembangunan ekonomi negara dan pada masa yang sama mereka juga jauh ketinggalan berbanding usahawan kaum lain (Rahmah Ismail et al.2006). Oleh itu, pelbagai insentif telah diberikan oleh kerajaan untuk membantu golongan ini.

1.2 Sumbangan PKS dalam Sektor Pembuatan

Sumbangan sektor industri pembuatan sebagai pendorong utama pertumbuhan ekonomi negara telah dibuktikan melalui beberapa kajian (rujuk Anuwar dan Nor Aini, 1989; Anuwar, 1992, 1995; Jomo, 1993; Rasiah, 1994, 1995, 2002; Abibullah dan Morshidi, 1997; Anuwar, Nor Aini dan Hasnah, 1998; Jomo, Felker; Rasiah, 1999 dan Fauziah, 2005). Bermula dengan strategi penggantian importⁱⁱⁱ pada tahun 1960-an diikuti oleh pengeluaran berasaskan eksport^{iv} pada tahun 1970-an, seterusnya usaha kini difokuskan kepada membangunkan industri berteknologi tinggi di samping menekankan peranan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sebagai sub sektor kepada perusahaan yang lebih besar telah memberi sumbangan yang penting dalam pembangunan dan perkembangan ekonomi negara. Antara sumbangan PKS ialah (i) menyokong kadar pertumbuhan ekonomi dengan purata 8.4 % setahun dalam tempoh 1989-1994, (ii) berfungsi sebagai industri penggerak utama dalam mempelbagaikan aktiviti dalam sektor pembuatan sejak 1980an, (iii) PKS meliputi 84.1 % dari jumlah keseluruhan pertumbuhan firma dalam sektor perkilangan di Malaysia

pada tahun 1994, (iv) PKS menyediakan 44.2 % peluang pekerjaan dari jumlah tenaga kerja dalam sektor perkilangan (Malaysia, Bank Negara [BNM], 2005a).

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) meliputi 96.6 peratus aktiviti firma dalam sektor pembuatan di Malaysia (Pelan Induk Perindustrian 3, 2006-2020). Pengukuhan sektor ini akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pencapaian objektif pembangunan negara. Pertumbuhan sektor PKS yang kompetitif juga akan memastikan (1) penggunaan sumber yang cekap, (2) pewujudan peluang pekerjaan, (3) pengembelangan tabungan dan pelaburan domestik, (4) pertambahan bilangan usahawan Bumiputera, (5) meningkatkan penggunaan sumber tempatan dan (6) pengagihan kekayaan secara lebih adil (Malaysia, 2006). Berdasarkan keperluan-keperluan ini maka PKS berkemampuan menjadi penggerak kepada pencapaian matlamat negara perindustrian menjelang tahun 2020.

Situasi ini menggambarkan betapa PKS semakin dominan dalam sumbangannya terhadap pembangunan ekonomi negara. Malah PKS merupakan mekanisme penting bagi menjayakan beberapa strategi pembangunan negara seperti penyediaan peluang pekerjaan, pemindahan teknologi dan mengukuhkan asas perindustrian (Mohd Khairuddin & Azizi Wafa, 2002; Moha Asri, 1999a ; Mohd Rosli, 2000a dan Lee Khee Joo, 2003). Peranan PKS yang semakin penting telah menarik minat dan perhatian kerajaan untuk membangunkan sektor ini sebagai nadi utama kepada pembangunan ekonomi secara lebih tersusun dan berkesan.

Melalui dasar^v dan strategi yang dibentuk khusus untuk pembangunan PKS jelas membuktikan bahawa kerajaan telah melihat PKS sebagai sektor penting yang perlu diberi perhatian dalam setiap dasar pembangunannya. Antara program bantuan yang disediakan oleh kerajaan adalah (i) bantuan kewangan dan kredit, (ii) bantuan teknikal dan latihan, (iii) perkhidmatan pengembangan dan nasihat, (iv) pemasaran dan

penyelidikan pemasaran dan (v) sokongan infrastruktur (Malaysia, 2006). Peranan ini telah diiktiraf dan ia memberi justifikasi yang besar kepada keperluan mewujudkan program sokongan kerajaan kepada PKS (Moha Asri, 1997a, 1997c, 1999a; Mohd Khairuddin, 1999b).

Dalam tempoh 1994 hingga 2005 PKS telah memberi sumbangan yang besar terhadap pertumbuhan bilangan firma dalam sektor pembuatan, namun begitu daripada keseluruhan firma PKS yang beroperasi di Malaysia, PKS dalam sektor pembuatan hanya menyumbang 38.9 peratus daripada jumlah pekerjaan, 25.8 peratus nilai tambah dan 27.3 peratus keluaran sektor industri (jadual 1.8). Ini memberi gambaran bahawa PKS dalam sektor perkilangan di Malaysia masih dalam proses pengembangan dan memerlukan bantuan kerajaan.

Jadual 1.8: Peratus Sumbangan PKS dalam Sektor Perkilangan di Malaysia 1985 hingga 2005

Bidang/ Saiz Industri	1985	1995	2000	2005
Bilangan Firma				
Industri Kecil	69.1	79.3	76	96.6
Industri Sederhana	28.7	14.5	17.8	
Industri Besar	7.8	6.2	6.2	
Tenaga Kerja				
Industri Kecil	16.5	13.1	11.4	-
Industri Sederhana	32.9	23.1	27.5	
Industri Besar	50.6	63.8	61.1	
Jumlah Nilai Keluaran				
Industri Kecil	9.1	6.9	3.9	-
Industri Sederhana	37.6	37.6	23.4	
Industri Besar	53.3	53.3	72.7	

Sumber : Malaysia 1985, 1996, 2000 dan 2005, *Penyiasatan Industri Tahunan Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Statistik.

Jadual 1.8 menampakkan satu trend di mana bilangan firma PKS telah meningkat antara tahun 1985 hingga 2005 dari 97.8 peratus kepada 99.3 dan terdapat perubahan yang tidak konsisten dari segi tenaga kerja di mana berlaku turun naik iaitu 49.4 peratus tahun 1985, 36.2 peratus tahun 1995 dan 38.9 peratus tahun 2000,

manakala jumlah nilai keluaran sektor ini menunjukkan penurunan iaitu 49.4 peratus tahun 1985 kepada 36.2 peratus tahun 1995 dan 27.3 peratus tahun 2000. Namun apa yang jelas PKS adalah kelompok terbesar firma dalam sektor pembuatan di negara Malaysia. Senario ini menggambarkan bahawa PKS di Malaysia masih dalam proses pengembangan dan pembangunan seperti yang dijelaskan oleh Hosmer et. al (1997) dalam Mohd Khairuddin dan Azizi Wafa (2002). Ini menunjukkan bahawa PKS di Malaysia masih baru dan memerlukan sokongan dan bantuan kerajaan kerana kebanyakan usahawan PKS menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pinjaman dari institusi kewangan terutama dalam tempoh tiga tahun pertama operasi mereka (Lee Khee Joo, 2003:6).

Berdasarkan kelemahan yang wujud dalam sektor ini dan sumbangannya yang semakin dominan, maka kerajaan telah menggariskan beberapa strategi dasar untuk membantu pembangunan PKS seluruhnya. Sebagai langkah untuk meningkatkan akses pembiayaan kepada PKS kerajaan telah menubuhkan pelbagai skim kemudahan kewangan kerajaan. Skim ini lebih memberi tumpuan kepada golongan usahawan peringkat bawah dan menengah iaitu usahawan industri kecil dan sederhana (PKS) (Rahmah Ismail et al, 2006:35).

1.3 Bentuk-bentuk Bantuan Kewangan dan Kredit Kerajaan

Infrastruktur kewangan yang dibangunkan dengan baik dan dapat memenuhi keperluan pembiayaan PKS yang pelbagai adalah penting untuk menyokong daya saing dan pertumbuhan PKS yang berterusan (Malaysia, Bank Negara [BNM], 2005a). Dasar dan strategi kerajaan yang dibentuk adalah untuk memastikan bahawa PKS mendapat impak positif daripada setiap program yang dilaksanakan. Ini bersesuaian dengan matlamat utama dasar yang bertujuan untuk pemupukan dan pengembangan PKS di Malaysia (Malaysia, Bank Negara [BNM], 2005e)). Bantuan kewangan yang

diwujudkan oleh kerajaan mempunyai beberapa objektif tertentu iaitu untuk (i) pembangunan teknologi, (ii) meningkatkan kemahiran sumber manusia, (iii) pembangunan usahawan, (iv) pemasaran dan promosi, (v) pembangunan produk dan pentauliahan mutu, dan secara am (Sme Info, 2008). Sumber pembiayaan PKS yang diwujudkan oleh kerajaan boleh didapati daripada tiga sumber utama iaitu (a) Tabung Khas Bank Negara, (b) Institusi Kewangan Pembangunan dan (c) Agensi Pembangunan Kerajaan (Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan, 2004)^{vi}.

Kerajaan telah memberikan tanggungjawab ini kepada 3 badan pelaksana untuk menyalurkan peruntukan bantuan kewangan dan kredit yang diluluskan oleh kerajaan. Sumber pembiayaan dan agensi pelaksana yang bertanggungjawab kepada dana-dana ini juga begitu banyak dan pelbagai (jadual 1.9 m.s 13). Pada dasarnya dana kerajaan untuk PKS kebanyakannya adalah untuk tujuan pemupukan dan pembangunan. Oleh itu dana-dana ini mempunyai beberapa objektif seperti yang dinyatakan oleh (Malaysia, Bank Negara [BNM], 2006) iaitu:

1. untuk menggalakkan PKS menjadi lebih inovatif dalam menggunakan dan mengadaptasi kepada teknologi dan proses yang sedia ada dan terbaru
2. untuk meningkatkan kualiti produk.
3. untuk membantu PKS menjalankan kajian kemungkinan pasaran dan teknologi, menyediakan perancangan perniagaan dan merumuskan strategi pasaran dalam negeri dan eksport.
4. untuk menggalakkan pembangunan PKS Bumiputera
5. untuk membantu belia termasuk siswazah untuk menceburi bidang perniagaan

sebanyak 893,687 PKS dengan bagi terkumpul sebanyak RM5.2 bilion pada akhir tahun 2005 (Malaysia, Bank Negara [BNM], 2005a). Pada dasarnya dana-dana ini disediakan dalam beberapa bentuk (jadual 1.10).

Jadual 1.10: Jenis Pembiayaan Melalui Dana Kerajaan.

Bil	Jenis Bantuan	Bil Skim	Peruntukan RM bilion	Permohonan diluluskan		Dikeluarkan	Baki Terkumpul
				Bilangan	(RM Bilion)		
1	Pinjaman*	49	8.5	855,193	58.0	55.7	4.7
2	Geran	20	2.1	37,670	2.0	1.7	-
3	Ekuiti	5	0.6	704	0.7	0.5	0.4
4	Modal Usaha Niaga	7	1.5	120	0.4	0.3	0.1
	Jumlah	81	12.7	893,687	61.1	58.2	5.2

Sumber : Malaysia, Bank Negara [BNM], 2005f

* termasuk skim untuk perusahaan mikro-skim kredit mikro Bank Simpanan Nasional & Bank Pertanian Malaysia, Yayasan Tekun Malaysia dan Amanah Ikhtiar Malaysia.

Hasil banci pertubuhan dan perusahaan (Malaysia, Bank Negara [BNM], 2005a) menunjukkan bahawa 34 % PKS menggunakan dana sendiri dan hanya 2.7 % bergantung kepada Institusi Kewangan Pembangunan (IKP). Namun perolehan daripada lain-lain institusi kewangan juga penting kerana institusi kewangan adalah antara penyumbang akses pembiayaan kewangan kepada PKS terutamanya PKS bersaiz sederhana dengan menyumbang 16 peratus dan hanya 10 peratus PKS bersaiz mikro bergantung kepada institusi kewangan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2005). Antara tujuan utama pembiayaan adalah untuk (a) pembiayaan projek, (b) pembiayaan aset tetap, dan (c) pembiayaan modal kerja. Sumber pembiayaan kewangan dan kredit PKS terdiri daripada beberapa sumber utama iaitu sumber simpanan sendiri (34 %), sahabat handai (23.6 %), Institusi Perbankan (13.4 %), Institusi Kewangan Pembangunan (2.7 %) dan lain-lain sumber (25.7 %). Maklumat tentang sumber utama pembiayaan PKS dan bentuk pinjaman kepada PKS ditunjukkan dalam jadual 1.11 m.s. 15.

Jadual 1.11 : Sumber Pembiayaan Utama PKS

Banci 2005	Sendiri	Sahabat Handai	Institusi Perbankan	IKP	Lain-lain	Bilangan Perusahaan
PKS	34%	23.6%	13.4%	2.7%	25.7	518, 996
Besar	37.2%	5.6%	47.6%	2.6%	4.7%	4, 136
Jumlah Pertubuhan	177,863	133,456	122,644	71, 287	14,166	523,132

Sumber : Malaysia, Bank Negara [BNM] (2005a)

Dengan demikian, didapati bahawa skim-skim bantuan yang disediakan oleh kerajaan adalah begitu pelbagai. Namun begitu, masih wujud persoalan iaitu sejauh mana tahap kesampaian BKKK ini dan adakah program-program sokongan yang dibentuk berkeupayaan membantu meningkatkan prestasi PKS kerana bilangan usahawan Bumiputera yang mendapat faedah daripadanya dikatakan amat sedikit (Moha Asri, 2002). Keadaan ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor iaitu (a) usahawan PKS Bumiputera tidak memenuhi ciri-ciri penilaian kredit yang ditetapkan, masalah pasaran dan teknologi, masalah pungutan kredit, tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan dan masalah pengurusan (Shahidin Hamzah, 2002) dan (b) usahawan PKS menghadapi kesukaran untuk mengemukakan cagaran, skel pengeluaran yang kecil, sistem pengurusan kewangan yang lemah dan kepercayaan bank yang rendah terhadap prestasi mereka (Lee Khee Joo, 2003).

1.4 Prestasi PKS Bumiputera

Meskipun pencapaian yang ditunjukkan oleh sektor industri pembuatan negara agak memberangsangkan namun prestasi produktiviti^{vii} yang dicatatkan dalam Pelan Induk Perindustrian Pertama (PIP1, 1986-1995) secara relatifnya adalah lebih rendah

jika dibandingkan dengan tingkat produktiviti yang dicapai oleh Singapura, Hong Kong, Taiwan dan Korea Selatan (MITI, 1996). Ini dapat digambarkan menerusi eksport Malaysia berbentuk eksport bahan utama dan keluarannya yang mempunyai nilai ditambah yang agak rendah (Anuwar dan Nor Aini, 1989; Anuwar, 1992, 1995; MITI, 1996). Selain pencapaian prestasi produktiviti yang agak rendah, aktiviti import untuk barang modal dan perantaraan juga menunjukkan peningkatan berterusan. Fenomena ini secara tidak langsung menggambarkan kelemahan asas industri di negara ini.

Prestasi keseluruhan PKS dalam sektor pembuatan keseluruhannya telah mencatatkan pertumbuhan 11.8 peratus dalam nilai tambah, 9.7 peratus nilai keluaran dan 3.7 peratus peluang pekerjaan (Perbadanan Produktiviti Negara, 2003). Jadual 1.12 di bawah menunjukkan prestasi PKS yang semakin bertambah baik berbanding tahun 2002 berdasarkan jumlah keluaran, nilai tambah dan bilangan pekerjaan.

Jadual 1.12: Pertumbuhan PKS dari segi Keluaran, Nilai Tambah dan Pekerjaan 2002 dan 2003.

Indikator Prestasi	2002	2003	Pertumbuhan
Jumlah Keluaran (RM Bilion)	62.8	68.9	9.7
% Sumbangan kepada Sektor Pembuatan	29.1	29.1	
Nilai Tambah (RM Bilion)	12.7	14.2	11.8
% Sumbangan kepada Sektor Pembuatan	25.8	26.1	
Pekerjaan (Bilangan)	362,345	375,840	3.7
% Sumbangan kepada Sektor Pembuatan	31.6	32.5	

Sumber : Perbadanan Produktiviti Negara, 2003. dalam SMI Business Directory, 2005.

Sebenarnya prestasi PKS dalam sektor pembuatan masih dalam proses pengembangan dan pembangunan (Moha Asri, 2002 dan Mohd Sidek ,2002). Malah sehingga tahun 2005 didapati 77 peratus PKS mempunyai jumlah aset kurang daripada RM 5 juta dan 92 peratus tertumpu pada pasaran tempatan dan hanya 8 peratus daripada PKS mengeksport produk mereka (Malaysia, Bank Negara [BNM], 2005a). Namun begitu penentuan prestasi sesebuah firma PKS sebenarnya tidak

konsesus dan terdapat banyak indikator yang boleh digunakan untuk mengukur prestasi sesebuah firma. Penentu utama prestasi firma adalah keupayaan mereka meningkatkan jumlah jualan tahunan secara berterusan, dan keupayaan mereka mengekalkan pertambahan bilangan pekerja sepenuh masa, seterusnya menempatkan diri ke dalam skel pengeluaran yang lebih besar.

Usahawan Bumiputera jauh ketinggalan berbanding usahawan kaum lain walaupun pelbagai insentif dan bantuan diberikan oleh kerajaan untuk membantu golongan ini (Rahmah Ismail et al. 2006:). Dalam hal ini, cabaran yang perlu dihadapi oleh kebanyakan usahawan Bumiputera adalah (1) menspesifikasikan produk, (2) penggunaan teknologi baru dan pekerja yang berinovasi, (3) mencipta saluran bentuk baru dalam pemasaran dan pengagihan, (4) mewujudkan perubahan dalam pengorganisasian (Amit dan Shoemaker, 1993). Semua strategi ini memerlukan sumber kewangan yang mantap. Oleh itu, kajian ini berminat untuk melihat implikasi kewangan ke atas PKS setelah kerajaan menyediakan begitu banyak dana bantuan dan pinjaman untuk mereka.

1.5 Pernyataan Masalah dan Persoalan Kajian

Huraian di atas membuktikan PKS di Malaysia masih dalam proses pemupukan dan pengembangan. Oleh itu, mereka memerlukan bantuan dan sokongan daripada kerajaan. Persoalannya, kerajaan telah memainkan peranan yang signifikan dalam pembangunan PKS dengan menyediakan pelbagai program sokongan. Namun masih wujud beberapa persoalan yang dikemukakan oleh PKS iaitu: (a) tahap kesampaian bantuan kewangan dan kredit kerajaan kepada PKS Bumiputera masih rendah (b) prestasi firma PKS Bumiputera masih yang tidak menyakinkan dan (c) kewujudan beberapa faktor yang menjadi penghalang kepada kesampaian dan prestasi PKS Bumiputera dalam sektor pembuatan.

Berdasarkan permasalahan di atas muncul beberapa persoalan yang cuba diselesaikan melalui kajian ini iaitu: (1) adakah program bantuan kewangan kerajaan berkesan dalam usaha membangunkan PKS Bumiputera?, (2) adakah firma PKS menerima dan menggunakan sepenuhnya bantuan kewangan kerajaan?, (4) apakah firma PKS benar-benar memerlukan bantuan kewangan daripada pihak kerajaan?, (4) adakah prestasi firma PKS akan lebih baik selepas terima bantuan?.

Sehubungan itu beberapa kajian lepas mendapati (1) tahap kesampaian program bantuan masih rendah dan PKS Bumiputera masih menghadapi masalah kekurangan sumber modal (Moha Asri 1999a, 1999c dan 2002; Samsudin Hitam, 1999; Mohd Rosli, 2000 dan Lee Khee Joo, 2003); (2) 47 peratus PKS meminjam daripada institusi kewangan untuk membiayai operasi perniagaan, 32.4 peratus PKS menggunakan modal sendiri dan hanya 4.1 peratus PKS meminjam daripada institusi kewangan pembangunan (Malaysia, Bank Negara [BNM], 2001)); (3) Usahawan Bumiputera masih bergantung penuh kepada lebih 30 institusi kewangan tempatan sebagai organisasi yang berperanan menyuntik modal dan membantu perkembangan industri berkenaan (Lee Khee Joo, 2003); (4) Kesampaian bantuan kewangan masih rendah walaupun terdapat lebih 40 dana disediakan oleh kerajaan untuk membantu PKS menjalankan perniagaan (Sofian Mohd Salleh, 2004); dan (5) hanya 16 peratus PKS berjaya mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan Pembangunan (Malaysia, Bank Negara [BNM], 2005a).

Persoalannya adakah situasi tersebut masih lagi merupakan masalah yang dihadapi oleh PKS khususnya dikalangan Bumiputera dan adakah keadaan PKS Bumiputera semakin bertambah baik atau semakin serius menghadapi masalah untuk mendapatkan pinjaman walaupun program BKKK telah banyak diberikan. Dalam hal ini kajian tentang impak dan keberkesanan pengurusan kewangan dikalangan PKS tidak

banyak dilakukan (Mohd Khairuddin & Azizi Wafa, 2002:90) sedangkan dasar pembangunan negara memberi penekanan yang amat tinggi terhadap pembangunan PKS melalui program sokongan seperti BKKK dengan tujuan untuk menyelesaikan masalah kesukaran mendapat pinjaman yang wujud selama ini. Dalam konteks ini, fokus kajian adalah untuk mengkaji implikasi tahap kesempaian BKKK terhadap prestasi PKS Bumiputera di Kedah, maka pernyataan masalah utama kajian ini ialah “Sejauh manakah kesan tahap kesempaian BKKK kepada PKS Bumiputera dan adakah mereka yang menerima BKKK mempunyai prestasi yang lebih baik selepas terima BKKK”.

Berdasarkan pernyataan itu maka beberapa persoalan kajian telah dihasilkan iaitu:

- 1 Apakah bentuk-bentuk dan ciri BKKK yang disediakan kepada PKS Bumiputera mencukupi.
- 2 Apakah pihak pengusaha PKS mempunyai pandangan yang positif terhadap dasar dan strategi pembangunan PKS.
- 3 Sejauh manakah tahap kesempaian BKKK dikalangan pengusaha PKS Bumiputera di kawasan kajian.
- 4 Apakah kaitan dikalangan PKS yang terima dan tidak terima BKKK dalam konteks profil firma dan usahawan.
- 5 Apakah terdapat perbezaan prestasi di antara PKS sebelum dan selepas terima BKKK dan adakah yang tidak terima BKKK juga mempunyai prestasi yang baik atau sebaliknya.

1.6 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menyediakan satu wacana akademik dan intelek tentang program BKKK. Tujuan utamanya adalah untuk meninjau tahap kesempaian dan keberkesanan program BKKK kepada pengusaha PKS Bumiputera dalam sektor pembuatan di Kedah. Secara spesifiknya objektif-objektif kajian ialah :

- 1 Untuk mengenalpasti bentuk-bentuk dan ciri BKKK yang disediakan untuk pembangunan PKS Bumiputera.
- 2 Untuk mengenalpasti persepsi usahawan terhadap dasar dan strategi kerajaan melalui BKKK
- 3 Untuk mengkaji tahap kesempaian BKKK kepada usahawan PKS Bumiputera dalam sektor pembuatan di kawasan kajian.
- 4 Untuk menganalisis kaitan antara tahap kesempaian BKKK dengan profil firma dan profil usahawan.
- 5 Untuk mengenalpasti perbezaan prestasi di antara PKS sebelum dan selepas terima BKKK dan melihat perbandingan prestasi PKS terima dan tidak terima BKKK.
- 6 Untuk meninjau langkah-langkah dan strategi yang sesuai untuk memastikan bagaimana BKKK boleh diperolehi oleh lebih ramai usahawan PKS Bumiputera.

1.7 Andaian Kajian

Untuk mencari jawapan kepada objektif-objektif kajian yang telah dicadangkan, lima andaian telah dibentuk untuk diuji dan dibuktikan secara statistik deskriptif iaitu :

- A1 Bentuk dan ciri BKKK untuk pembangunan PKS Bumiputera adalah pelbagai dan mencukupi.
- A2 Usahawan PKS Bumiputera mempunyai persepsi yang positif terhadap dasar dan strategi kerajaan melalui BKKK.
- A3 Tahap kesempaian BKKK di kalangan usahawan Bumiputera adalah positif tinggi.
- A4 Tahap kesempaian BKKK mempunyai hubungan yang positif dengan profil firma dan usahawan.
- A5 Prestasi PKS lebih baik selepas terima BKKK berbanding sebelum terima BKKK.

Oleh itu jika A1, A2, A3, A4 dan A5, dibuktikan benar, ini bermakna dasar dan strategi pembangunan melalui BKKK diterima sebagai satu strategi yang berkesan, relevan dan sesuai diaplikasikan terhadap PKS di Malaysia. Memandangkan kajian ini berbentuk penerokaan maka tidak ada hipotesis yang akan diuji. Secara bandingannya perkaitan antara objektif kajian dan andaian kajian ditunjukkan dalam jadual 1.13 di bawah.


Jadual 1.13 : Objektif Kajian dan Andaian Kajian

Objektif Kajian		Andaian Kajian	
O1	Untuk mengenalpasti bentuk-bentuk dan ciri BKKK yang disediakan untuk pembangunan PKS Bumiputera	A1	Bentuk dan ciri BKKK untuk pembangunan PKS Bumiputera adalah pelbagai dan mencukupi.
O2	Untuk mengenalpasti persepsi usahawan terhadap dasar dan strategi kerajaan melalui BKKK	A2	Usahawan PKS Bumiputera mempunyai persepsi yang positif terhadap dasar dan strategi kerajaan melalui BKKK.
O3	Untuk mengkaji tahap kesempaian BKKK kepada usahawan PKS Bumiputera dalam sektor pembuatan di kawasan kajian.	A3	Tahap kesempaian BKKK di kalangan usahawan Bumiputera adalah positif tinggi.
O4	Untuk menganalisis kaitan antara tahap kesempaian BKKK dengan profil firma dan profil usahawan	A4	Tahap kesempaian BKKK mempunyai hubungan yang positif dengan profil firma dan usahawan
O5	Untuk mengenalpasti perbezaan prestasi di antara PKS sebelum dan selepas terima BKKK dan melihat perbandingan prestasi PKS terima dan tidak terima BKKK.	A5	Prestasi PKS lebih baik selepas terima BKKK berbanding sebelum terima
O6	Untuk meninjau langkah-langkah dan strategi yang sesuai untuk memastikan bagaimana BKKK boleh diperolehi oleh lebih ramai usahawan PKS Bumiputera		

1.8 Rangka Konseptual Kajian

Berdasarkan senarai objektif kajian yang ingin dicapai maka rangka konseptual bagi kajian ini adalah seperti rajah 1.1 (m.s 23). Sehubungan itu, kajian ini akan mengupas isu-isu persekitaran, punca dan kemampunan sektor PKS iaitu dengan melihat kepada tahap kesempaian BKKK kepada usahawan PKS Bumiputera sama ada **terima** atau **tidak terima** BKKK dan dikaitkan dengan persepsi terhadap kehendak dan keperluan kepada bantuan kewangan. Dalam hal ini, tahap kesempaian akan ditentukan berdasarkan peratusan usahawan terima dan tidak terima BKKK. Tahap kesempaian ini akan dihubungkan dengan profil firma dan usahawan, seterusnya melihat apakah faktor halangan yang dihadapi dalam merealisasikan tahap kesempaian BKKK.

Tahap kesempaian BKKK kepada usahawan akan membuktikan kejayaan atau kegagalan strategi yang dibentuk oleh kerajaan. Ia juga akan digunakan untuk mengukur sama ada wujud perkaitan di antara BKKK dengan prestasi usahawan dari segi pertambahan jumlah jualan tahunan, dan bilangan pekerja sepenuh masa.^{viii} Pengukuran prestasi usahawan dibuat berdasarkan peratusan peningkatan jualan dan bilangan pekerja sepenuh masa menggunakan kaedah “**sebelum dan selepas** “ terima BKKK. Seterusnya dapatan ini akan digunakan untuk merujuk keberkesanan dasar dan strategi kerajaan melalui dasar campurtangan kerajaan untuk membentuk **MPPB** yang berdaya maju sesuai dengan matlamat dasar yang diamalkan pada masa kini. Semua ini boleh ditentukan dengan melihat sejauh mana BKKK berjaya mewujudkan MPPB yang berdaya maju dan kompetitif dalam sumbangannya terhadap ekonomi negara.



Rajah 1.1 : Rangka Konseptual Kajian

1.9 Signifikan Kajian

Berdasarkan teori pembangunan ekonomi^{ix} keperluan kepada campurtangan kerajaan dalam usaha membantu pembangunan sektor industri yang baru muncul diperlukan untuk menjadikan ia cepat berkembang (Marshall, 1920). Dalam hal ini, peranan kerajaan melalui dasar dan strategi yang dibentuk untuk membantu perkembangan PKS di Malaysia amat bersesuaian untuk kajian. Pengaruh globalisasi dan perubahan teknologi telah mewujudkan persaingan di kalangan firma-firma PKS di Malaysia, justeru itu setiap firma PKS perlu meningkatkan prestasi dan kualiti seterusnya mencapai kemampuan untuk menembusi pasaran antarabangsa. Bersesuaian dengan kehendak dan keperluan modal yang dihadapi pada beberapa peringkat operasi iaitu (a) permulaan operasi, (b) pengembangan operasi dan (c) pembesaran firma, maka keperluan PKS terhadap sokongan kerajaan terutama melalui program bantuan kewangan dan kredit amat relevan untuk dikaji.

Berdasarkan fakta ini, kajian akan membuat analisis bagi memecahkan persoalan-persoalan yang berkisar tentang keperluan campurtangan kerajaan melalui BKKK dan keupayaan sebenar program ini dalam usaha membantu proses perkembangan PKS negara. Dengan menyelesaikan masalah-masalah ini melalui kajian empirikal diharapkan usahawan PKS akan mendapat lebih manfaat dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian matlamat pembentukan MPPB yang berdaya maju. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi sumbangan kepada bidang akademik dan usaha pengukuhan polisi terutamanya bagi meningkatkan keupayaan dan prestasi PKS di Malaysia. Antara alasan-alasan mengapa kajian ini perlu dilakukan adalah: